

KHUTBAH JUMAAT

“BIJAK DAN BERSEDERHANA DALAM BERBELANJA”

(20 Desember 2024M/ 18 Jamadilakhir 1446H)

الْحَمْدُ لِلَّهِ، الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي خَلَقَ الْإِنْسَانَ فِي أَحْسَنِ تَقْوِيمٍ، وَأَمَرَنَا
بِالتَّقْوَى وَالْخُلُقِ الْكَرِيمِ. وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،
وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ، وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ
مُسْلِمُونَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Marilah kita bersama-sama mempertingkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah *subhanahu wata'ala* dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi umat yang terbaik, mampu menjadi contoh dan ikutan umat yang lain. Khatib pada hari ini akan membicarakan khutbah bertajuk "***Bijak Dan Bersederhana Dalam Berbelanja***".

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Harta dan kemampuan untuk membelanjakannya adalah nikmat daripada Allah *subhanahu wata'ala* yang wajib kita syukuri dengan menghayati sikap bersederhana dan bijak dalam berbelanja. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Furqan, ayat 67:

وَالَّذِينَ إِذَا أَنْفَقُوا لَمْ يُسْرِفُوا وَلَمْ يَقْتُرُوا وَكَانَ بَيْنَ ذَلِكَ قَوَامًا (٦٧)

Maksudnya: *Dan mereka (yang diredhai Allah itu juga ialah) orang yang apabila membelanjakan hartanya, mereka tidak berlebihan dan tidak pula bakhil, bahkan mereka bersederhana antara kedua-dua cara (boros dan bakhil) itu.*

Imam Ibnu Katsir *rahimahullah* ketika menafsirkan ayat tadi, beliau menukilkan pendapat Ibnu 'Atiyyah bahawa ayat tadi memberi bimbingan pada perbelanjaan yang diharuskan oleh syarak. Syarak mendidik agar tidak boros berbelanja hingga mengabaikan hak keluarga atau orang lain dalam hartanya dan seumpamanya, dan tidak pula terlalu berkira atau bakhil hingga menyebabkan keluarganya terpaksa berlapar. Maka yang terbaik ialah yang pertengahan atau sederhana.

Berdasarkan kepada huraian tadi, dapat difahami bahawa Allah *subhanahu wata'ala* menyuruh kita supaya bijak dan bersederhana dalam semua perkara, termasuklah dalam menikmati kurniaan-Nya ketika kita berbelanja. Perlu difahami, kesederhanaan tidak bermakna kita perlu hidup dalam keadaan serba kekurangan, atau menolak kehidupan mewah yang sebenarnya juga adalah kurniaan Allah *subhanahu wata'ala*. Sebaliknya, kesederhanaan adalah keseimbangan antara sikap berlebih-lebihan dan sifat kikir atau kedekut.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Marilah kita bersama-sama secara insaf menilai semula gaya hidup dan gaya perbelanjaan kita. Jika ia mencerminkan kesederhanaan yang diajarkan Islam, maka kita ucapkan Alhamdulillah. Tetapi jika

sebaliknya, kita ajukan juga soalan berikut: adakah pembelian itu sebenarnya memenuhi keperluan atau kemahuan? Umat Nabi Muhammad *sallallahu alaihi wasallam* perlu bijak dalam membezakan “keperluan” dan “kemahuan”. Hal ini selari dengan pesanan Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam*:

((كَلُوا وَاشْرَبُوا وَالْبَسُوا وَتَصَدَّقُوا فِي غَيْرِ إِسْرَافٍ وَلَا مَخِيلَةٍ))

Maksudnya: *Makanlah, minumlah, bersedekahlah, dan berpakaianlah dengan tidak berlebih-lebihan dan tidak berlaku sombong.*

(Hadis riwayat Imam al-Bukhari)

Dalam suasana ekonomi dunia yang tidak menentu, adalah bijak jika kita mengutamakan perbelanjaan untuk perkara-perkara yang penting, seperti keperluan jangka pendek dan panjang bagi keluarga, pendidikan diri sendiri atau anak-anak, dan seumpamanya. Bersederhana dalam berbelanja sebenarnya akan mempersiapkan diri kita untuk berhadapan dengan cabaran ekonomi dan kewangan pada masa yang akan datang. Kesederhanaan dalam aspek ini juga bermanfaat jika dilihat dari dua aspek yang berbeza:

Pertama, sikap sederhana membantu kita menjauhi sifat tamak dan berlebih-lebihan. Bersederhana dalam menikmati anugerah Allah akan meningkatkan rasa kesyukuran kita kepada-Nya, dan seterusnya membawa kepada ketenangan hati dan jiwa.

Kedua, kesederhanaan juga membantu penjagaan kesihatan fizikal dan mental kita. Sebagai contoh, berlebihan dalam makan dan

minum boleh mengakibatkan pelbagai masalah kesihatan. Manakala berlebihan dalam berbelanja boleh menyebabkan tekanan kewangan dan tekanan emosi seperti kebimbangan dan kemurungan.

Dalam konteks perbelanjaan, Islam menekankan pentingnya kemahiran dalam menguruskan kewangan. Ini termasuk menghindari pembaziran dan bijak dalam berhadapan dengan desakan untuk berhutang, seperti yang terkandung dalam doa yang diajar oleh Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* yang diriwayatkan daripada Anas bin Malik *radiallahu anhu* yang berbunyi:

((... اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنْ الْهَمِّ وَالْحَزَنِ وَالْعَجْزِ وَالْكَسَلِ وَالْبُخْلِ

وَالْجُبْنِ وَضَلَعِ الدَّيْنِ وَغَلَبَةِ الرِّجَالِ ...))

Maksudnya: *Ya Allah, sesungguhnya aku berlindung kepada-Mu daripada kedukaan, kesedihan, sifat lemah, malas, bakhil dan pengecut, serta bebanan hutang dan penindasan manusia.*

(Hadis riwayat Imam al-Bukhari)

Kita juga digalakkan untuk menyimpan sebahagian daripada pendapatan kita dan bersedekah kepada mereka yang memerlukan. Ini bukan sahaja membantu kita dalam pengurusan kewangan yang lebih baik, tetapi juga memenuhi tanggungjawab sosial kita sebagai seorang Mukmin.

Kaum muslimin yang berbahagia,

Sikap bersederhana dalam kehidupan membawa banyak kebaikan kepada kita. Antaranya ialah:

Pertama: Keseimbangan membawa keberkatan.

Abu Nu'aim al-Asfahani *rahimahullah* di dalam kitabnya *Hilyah al-Auliya'* menukilkannya daripada Imam al-Hasan al-Basri *rahimahullah*, seorang ulama terkenal dari generasi tabi'in, sebagai berkata,

"Jika engkau melihat seseorang yang diberi kekayaan oleh Allah tetapi dia tetap bersederhana dalam kehidupannya, maka bergaullah dengannya, kerana dia telah diberi hikmah."

Kesederhanaan dalam berbelanja dapat menjauhkan kita dari tabiat berhutang, walaupun hukum asal berhutang itu adalah harus. Kesederhanaan dalam berbelanja mencerminkan kebijaksanaan kita dalam mengenal keutamaan. Insya Allah, sikap positif ini akan membawa kita kepada kehidupan yang lebih tenang. Inilah antara dimensi keberkatan dalam kehidupan seorang Mukmin.

Kedua: Memahami nilai sebenar seorang Mukmin.

Dalam era moden ini, kita berdepan dengan pelbagai cabaran dalam mengamalkan kesederhanaan. Budaya kepenggunaan yang berlebihan dengan perantaraan media sosial, sering mendorong gaya hidup mewah dan bermegah, sehingga boleh membawa kepada kesudahan yang negatif. Contohnya, seseorang mungkin merasa tertekan sekiranya dia tidak memiliki gajet terkini, atau belum pernah bercuti di tempat-tempat peranginan yang popular. Inilah yang dimaksudkan sebagai kesudahan yang negatif. Inilah juga muslihat dan tipu-daya iblis bagi merangsang sifat-sifat yang dicela Islam seperti hasad, dengki, tidak bersyukur, dan seumpamanya.

Ingatlah, nilai seseorang Mukmin tidak diukur dengan kekayaan atau kemewahan hidup, tetapi dengan ketakwaannya kepada Allah *subhanahu wata'ala*. Abu Hurairah *radiallahu anhu* meriwayatkan bahawa Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* telah bersabda:

((إِنَّ اللَّهَ لَا يَنْظُرُ إِلَى صُورِكُمْ وَأَمْوَالِكُمْ وَلَكِنْ يَنْظُرُ إِلَى قُلُوبِكُمْ
وَأَعْمَالِكُمْ))

Maksudnya: *Sesungguhnya Allah tidak melihat kepada rupa dan harta kamu, tetapi Dia melihat kepada hati dan amalan kamu.*

(Hadis riwayat Imam Muslim)

Justeru, marilah dengan penuh keinsafan dan tawaduk kita memohon agar petunjuk Allah *subhanahu wata'ala* sentiasa mengiringi kita dalam menghidupkan kesederhanaan dalam kehidupan kita. Moga Allah *subhanahu wata'ala* menjadikan kita hamba-hambaNya yang bersyukur, yang rendah hati, dan jauh dari sifat rakus dan bermegah diri.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Mengakhiri khutbah minggu ini, khatib ingin menegaskan;

Pertama: Harta dan kemampuan untuk membelanjakannya adalah nikmat daripada Allah *subhanahu wata'ala* yang wajib kita syukuri dengan menghayati sikap bersederhana dan bijak dalam berbelanja.

Kedua: Allah *subhanahu wata'ala* menyuruh kita supaya bijak dan bersederhana dalam semua perkara, termasuklah dalam menikmati kurniaan-Nya ketika kita berbelanja.

Ketiga: Kesederhanaan adalah keseimbangan antara sikap berlebih-lebihan dan sifat kikir atau kedekut.

Marilah kita bersama-sama menghayati firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Baqarah, ayat 143:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ.

وَكَذَلِكَ جَعَلْنَاكُمْ أُمَّةً وَسَطًا لِتَكُونُوا شُهَدَاءَ عَلَى النَّاسِ وَيَكُونَ
الرَّسُولُ عَلَيْكُمْ شَهِيدًا ۗ وَمَا جَعَلْنَا الْقِبْلَةَ الَّتِي كُنْتَ عَلَيْهَا إِلَّا لِنَعْلَمَ
مَنْ يَتَّبِعُ الرَّسُولَ مِمَّنْ يَنْقَلِبُ عَلَى عَقْبَيْهِ ۗ وَإِنْ كَانَتْ لَكَبِيرَةً إِلَّا عَلَى
الَّذِينَ هَدَى اللَّهُ ۗ وَمَا كَانَ اللَّهُ لِيُضِيعَ إِيمَانَكُمْ ۗ إِنَّ اللَّهَ بِالنَّاسِ لَرءُوفٌ
رَحِيمٌ (١٤٣)

Maksudnya: Dan demikian pula (sebagaimana Kami telah memimpin kamu ke jalan yang lurus), Kami jadikan kamu (wahai umat Muhammad). umat yang adil dan terpilih agar kamu menjadi saksi atas (perbuatan) manusia (tentang yang benar dan yang salah) dan supaya Rasul (Muhammad) akan menjadi saksi atas (perbuatan) kamu semua. (Sebenarnya kiblat kamu ialah Kaabah) dan Kami tidak menetapkan kiblat yang menjadi kiblatmu (sekarang) melainkan supaya Kami mengetahui (dengan nyata) siapa yang mengikuti Rasul dan siapa yang berpaling tadah (berbalik kepada kekufurannya). Walaupun (pemindahan kiblat) itu terasa amat berat (untuk diterima) kecuali bagi orang yang telah diberi petunjuk oleh Allah dan Allah tidak akan mensia-siakan (bukti) imanmu.

Sesungguhnya Allah Maha Pemurah lagi Maha Pengasih kepada orang (yang beriman).

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، أَقُولُ
قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ
وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ

KHUTBAH JUMAAT KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ. الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ
وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ
وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ،
فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Pada musim hujan ini, khatib ingin mengingatkan pada jemaah sekalian, agar sentiasa mengambil langkah berjaga-jaga dan berwaspada terhadap kemungkinan berlakunya banjir di tempat masing-masing. Justeru, patuhilah arahan yang dikeluarkan oleh pihak yang berkuasa dari semasa ke semasa.

Selain itu, marilah kita terus mengimarahkan masjid dengan solat fardu berjemaah dan memperbaiki keikhlasan dalam setiap amalan kita. Selain itu, pastikan makanan harian kita adalah halal dan baik. Dalam masa yang sama, aspek ketaatan kepada pemimpin dan perpaduan ummah perlu juga diutamakan demi kestabilan, kemakmuran dan keharmonian masyarakat Sarawak.

Pada hari yang mulia ini juga, marilah kita memperbanyakkan berselawat ke atas Nabi Muhammad *sallallahu alaihi wasallam* sebagaimana perintah Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Ahzab, ayat 56:

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ
وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ
عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ
سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، فِي الْعَالَمِينَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمُهْدِيِّينَ، سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ
وَعُثْمَانَ وَعَلِيٍّ، وَعَنِ الصَّحَابَةِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ. إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.

Ya Allah! Bantulah saudara-saudara kami di mana sahaja mereka berada, khususnya di negara Palestin. Kurniakanlah kepada mereka perlindungan, keselamatan dan kemenangan dalam menghadapi musuh-musuh nyata mereka. Angkatkanlah daripada mereka bala bencana, peperangan dan permusuhan dengan limpah rahmat-Mu, Tuhan yang Maha Rahmat.

Ya Allah, ampunilah dosa-dosa dan kesalahan kami, ibu bapa kami, ahli keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kesejahteraan, kedamaian dan kebahagiaan kepada kami semua dalam kehidupan di dunia dan di akhirat.

Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim! Berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada pemimpin-pemimpin Negara kami, khasnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin negeri kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

Ya Allah, hindarkanlah kami daripada melakukan rasuah dan pelanggaran kepada peraturan dan undang-undang serta penyalahgunaan dadah. Kurniakanlah keselamatan dan kesejahteraan, jadikanlah kami ummah yang berkualiti dan berintegriti demi mencapai negara yang aman dan makmur serta mendapat perlindungan-Mu, ya Allah.

Ya Allah, Ya Dzal Jalali Wal Ikram! Ya Allah, kukuhkanlah perpaduan dan kesatuan kami dengan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah dalam aqidah, ibadah dan akhlak. Limpahkanlah ke atas kami nikmat keselamatan, kesihatan dan keafiatan serta hindarilah kami daripada segala wabak penyakit.

رَبَّنَا أْتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. أَمِينَ،
أَمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ. إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ. وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُم لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ
يَذْكُرْكُمْ. وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ. وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ. وَلَذِكْرُ
اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ. أَقِيمُوا الصَّلَاةَ.